

18 MAY 1999
Mahathir-Sabah (Fokus Berita)
PILIHAN RAKYAT PASTINYA

Oleh: Khairdzir Yunus

RANAU, 18 Mei (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke pekan berbukit ini di kaki Gunung Kinabalu Jumaat lepas meninggalkan kenangan manis di kalangan mereka yang berkumpul di dewan orang ramai di sini yang membuktikan beliau benar-benar mengambil berat terhadap rakyat.

Ranau merupakan daerah pertama di luar ibu negeri Kota Kinabalu yang dilawatnya selepas kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya negeri pada 12 dan 13 Mac lepas.

"Saya tak akan basuh tangan saya," kedengaran seorang wanita di kalangan orang ramai yang berbaris menyambut Perdana Menteri itu, secara berjenaka memberitahu kawan-kawannya selepas dia dapat bersalaman dengan Dr Mahathir sebaik Perdana Menteri tiba dari Kota Kinabalu.

Walaupun kunjungannya hanya selama dua jam, penduduk di sini jelas kagum dan terpegun dengan pemimpin nombor satu negara ini yang sudi mengunjungi pekan di pedalaman ini.

Tiada hari yang lebih baik bagi Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali datang melawat Ranau kira-kira 100km dari Kota Kinabalu, selain pagi Jumaat itu, 14 Mei.

Pada hari itu suasana begitu sempurna sekali dengan cuaca yang begitu baik di bawah sinaran mentari.

Sesiapa yang menaiki kenderaan pada pagi itu melalui jalan berliku Kota Kinabalu-Ranau, akan berpeluang menikmati pemandangan Gunung Kinabalu yang begitu indah dan cantik dalam keadaan cuaca yang amat baik.

Ia jarang berlaku, menurut penduduk tempatan, bagi gunung itu menyerlahkan puncaknya, kecuali pada hari yang begitu baik cuacanya, yang juga menurut mereka agak jarang berlaku.

Masa terbaik untuk melihat sekilas pandang puncak gunung itu, kata mereka, ialah selepas subuh, semasa selubung awan yang menutupi puncak gunung itu akan tersingkap untuk seketika.

Tetapi pada hari itu, seolah mengalu-alukan kedatangan Perdana Menteri dan rombongan tetamu terhormat yang lain dalam beberapa helikopter dari Kota Kinabalu, Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara itu, berdiri di situ begitu hebat dan agung mendedahkan keseluruhan dirinya dengan puncaknya berkilau dipancarkan sinar mentari. Ia satu pemandangan yang begitu cantik dan mengagumkan.

Lawatan Dr Mahathir ke daerah ini buat kali ini, menurutnya adalah lawatan kedua beliau selepas kunjungan pertamanya pada 1965 dengan Timbalan Perdana Menteri ketika itu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Kunjungannya sebagai memenuhi janji yang beliau buat kepada penduduk Ranau selepas hasratnya melawat tempat itu sebelum pilihan raya negeri Mac lepas terbatal kerana cuaca buruk yang menghalang beliau menaiki helikopter ke Ranau dari Kota Kinabalu.

Kegembiraan rakyat begitu jelas dengan sambutan besar-besaran yang disediakan bagi Perdana Menteri dan rombongannya terdiri daripada orang kenamaan dari pusat dan negeri, termasuk Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaacob.

Sebaik Dr Mahathir keluar dari kereta yang dipandu dari tempat helikopternya mendarat, paluan kompang bergema diiringi pukulan gendang tradisional Cina.

Perjalanan yang dekat antara pintu pagar utama ke dewan itu, mengambil

masa begitu lama kerana Perdana Menteri bersalaman dengan barisan panjang penduduk yang kebanyakannya petani dusun, yang telah menunggu beliau tidak sabar-sabar lagi sejak awal pagi.

Acap kali secara serentak, mereka melaungkan "Hidup Mahathir!"

Daripada sambutan mesra yang diberikan kepada Perdana Menteri, begitu jelas penerimaan rakyat terhadap konsep kerjasama pelbagai kaum melalui gabungan Barisan Nasional (BN) dan kepimpinan Dr Mahathir di Sabah memang tidak boleh diragui lagi.

Kekecewaan mereka tidak dapat bertemu Perdana Menteri secara peribadi pada 11 Mac, sehari sebelum pilihan raya negeri, sudah terhapus.

Perdana Menteri juga kelihatan gembira.

"Saya amat gembira sekali kerana akhirnya saya tiba juga di Ranau," kata Dr Mahathir yang tidak dapat menyembunyikan perasaan riangnya itu yang beliau dapat datang kali ini dan disambut tepukan gemuruh kira-kira 3,000 penduduk yang berkumpul di sini.

"Saya memang sudah lama berhasrat untuk datang ke tempat seindah ini, tetapi malangnya kerana keadaan yang tidak mengizinkan, saya tidak dapat berbuat demikian sebelum ini," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun lawatan yang dirancang pada 11 Mac dibatalkan ekoran cuaca buruk, beliau bagaimanapun gembira kerana dapat bercakap kepada penduduk yang berkumpul di sini dari Kota Kinabalu melalui telefon.

Dalam ucapan selama sejam pada Jumaat, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang mengundi BN untuk kerusi negeri Ranau melalui calonnya Datuk Siringan Gubat yang menang dengan majoriti 1,227 undi.

"BN negeri dan pusat tidak akan lupa sokongan yang diberikan penduduk Ranau," katanya dan berjanji beliau akan memberi bantuan secukupnya untuk membawa pembangunan dan kemudahan ke tempat ini.

"Apabila saya berbuat janji, saya berdoa agar saya dapat memenuhinya," katanya dan menjelaskan bahawa beliau akan segera menghantar para pegawai dari Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri ke daerah ini untuk mengkaji apa yang mereka boleh buat untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat di sini.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam semasa merumuskan perasaan kasih rakyat terhadap Dr Mahathir berkata: "Kita tidak mahu dengar Datuk Seri bercakap tentang bersara lagi (dari politik). Kita mahukan Datuk Seri, kita memerlukan Datuk Seri dan kepimpinan Datuk Seri untuk membawa kita memasuki alaf baru."

Kata-kata itu disambut dengan jeritan ramai: "Hidup Mahathir!"

Bagi penduduk "kerdil" yang hidup di kawasan pedalaman seperti ini peluang untuk bersua muka dan bersalaman dengan pemimpin kesayangan mereka yang sebelum ini hanya mereka tonton melalui TV, adalah pengalaman yang tidak akan dilupai.

"Kesediaannya untuk datang ke tempat ini menunjukkan beliau sayang dan mengambil berat mengenai rakyat," kata seorang penduduk tempatan Maradan Kentoh.

"Ucapannya telah menggalakkan kami untuk lebih bertekad memajukan diri kami," kata sahabat Maradan, Rasmin Saidan.

Walaupun sesetengah orang mahu percaya bahawa populariti Dr Mahathir agak merosot kebelakangan ini, kerana isu-isu seperti kegawatan ekonomi dan pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, tetapi ia langsung tidak kelihatan di sini.

Malam sebelumnya, pada sambutan majlis kesyukuran kemenangan BN dalam pilihan raya negeri di Stadium Likas di Kota Kinabalu, kira-kira 10,000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat sanggup meredah hujan untuk datang ke stadium membuktikan sokongan mereka kepada pemimpin yang dicintai.

"Bagi kita, Datuk Seri Panglima Dr Mahathir Mohamad bukan hanya seorang

pemimpin, pengerusi BN dan Perdana Menteri, tetapi beliau lebih daripada itu. Beliau hero kita, jaguh rakyat dan negara, beliau juga pendorong kita dan menggalakkan rakyat untuk maju ke depan. Beliau juga merupakan bapa kita yang kita cari untuk mendapatkan nasihat apabila kita menghadapi kesusahan yang sukar untuk diselesaikan," kata Osu pada perhimpunan itu.

Sesetengah orang mungkin mempunyai tanggapan yang lain, tetapi dilihat daripada sambutan hangat yang diberikan kepada Perdana Menteri oleh rakyat Sabah semasa lawatan kerja dua harinya itu minggu lepas, sukar untuk mempercayai bahawa Dr Mahathir sudah hilang sentuhannya di kalangan rakyat.

Melihat muka-muka yang begitu ghairah menunggu di Ranau dan Kota Kinabalu, yang sekuat hati melaungkan "Hidup Mahathir!", menggenggam tangan ke udara, adalah tidak menghairankan bahawa BN negeri begitu mudah mencapai kemenangan besar semasa pilihan raya negeri yang lalu.

Dan mungkin satu lagi kemenangan menanti pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

KHY RON